



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA**MESYUARAT MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA BILANGAN 1
TAHUN 2024**

Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 25 Jun 2024 (Selasa) dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Zainal Rahim bin Seman. Agenda utama membincangkan mengenai dapatan Kajian Semula Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 dan memutuskan cadangan PGM baharu.

Komposisi MPGN terdiri daripada wakil majikan, pekerja, pegawai awam dan anggota lain perlu mencapai konsensus cadangan PGM baharu bagi disyorkan kepada Kerajaan. Syor yang dikemukakan boleh mengandungi kadar gaji minimum berdasarkan liputan mengikut wilayah, sektor dan jenis pekerjaan.

Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) telah diwujudkan di bawah MPGN dan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian semula PGM 2022. Dalam menjalankan kajian, JTPGN telah mengadakan perundingan dengan orang awam tentang kadar dan liputan gaji minimum berdasarkan kaedah yang telah dipersetujui. Kajian turut mengumpul dan menganalisis data dan maklumat serta menjalankan penyelidikan tentang gaji dan petunjuk sosioekonomi. Kajian telah bermula pada April 2023 melibatkan responden borang kaji selidik sebanyak 1,930 orang pekerja dan 1,919 orang majikan. Sejumlah 15 sesi libat urus melibatkan 261 pekerja dan 95 wakil kesatuan pekerja manakala 691 majikan dan 62 wakil persatuan majikan telah diadakan. Di samping itu, 11 sesi libat urus turut dilaksanakan Bersama Kementerian, Jabatan, agensi dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Berdasarkan pembentangan dapatan Kajian Semula PGM 2022 oleh JTPGN, MPGN perlu membincang dan mencapai keputusan secara konsensus seterusnya membuat syor kepada Kerajaan melalui Menteri Sumber Manusia untuk dipertimbangkan. Keputusan Kerajaan berkaitan gaji minimum baharu akan dibuat melalui pemberitahuan dalam warta.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
26 JUN 2024